

Wanita menangis hilang cincin kahwin

REBAU – Seorang wanita menangis selepas menyedari dompetnya yang berisi wang tunai RM700, gelang serta cincin perkahwinannya hilang selepas berurusan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Cawangan Rembau di sini semalam.

Nur Syafiqah Rosli, 30, berkata, kejadian disedari sebaik sahaja mahu membeli barangan di sebuah kedai serbaneka berdekatan JPN itu pada pukul 12 tengah hari.

"Selepas keluar dari JPN, saya terus ke kedai serbaneka dan menyedari dompet tiada. Menangis saya semasa beritahu suami kerana baru sahaja keluaran wang dan ada gelang serta cincin perkahwinan kami," katanya.

Bagaimanapun, pekerja swasta itu bersyukur apabila seorang kakitangan di JPN tersebut telah memulangkan dompet itu kepadanya dalam keadaan sempurna.

Katanya, sebelum kejadian, dia dan suaminya pergi ke JPN itu pada pukul 11 pagi bagi menguruskan pendaftaran dan juga kematian anaknya pada 23 Julai lalu.

"Saya tidak sedar ketika menguruskan dokumen itu, dompet saya tercicir.

"Selepas menyedari kehilangan dompet, saya segera ke JPN dan sebaik tiba, kakitangan jabatan berkenaan menyerahkan dompetnya yang tercicir," ujarnya.

Katanya, staf JPN berkenaan ada menghubunginya, namun dia tidak menyedari.

"Saya sangat terharu, satu sen pun tak hilang. Saya fikir saya boleh dapat semula dompet tersebut, tetapi ia di dalam mungkin sudah tiada," ujarnya.



DOMPET berisi wang tunai dan barang kemas milik Nur Syafiqah yang tercicir di JPN Cawangan Rembau semalam.